

# Peniaga bazar Jalan TAR tak puas hati khemah tak berkualiti

**Kuala Lumpur:** Peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) tidak berpuas hati apabila dibekalkan khemah yang didakwa tidak berkualiti oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ia susulan puluhan khemah musnah selepas hujan lebat dan angin kuat kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Peniaga, Nora Dollah berkata, dia menanggung kerugian selepas barang jualan rosak teruk akibat khemah yang disediakan musnah.

“Keadaan khemah perniagaan yang tidak bertali dan dipasang tanpa langkah keselamatan yang



SEBAHAGIAN daripada peniaga memasang semula khemah yang rosak akibat ribut di Jalan TAR. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

mencukupi. Keadaan ini menyebabkan khemah mudah diterbangkan angin dan rosak.

“Kejadian ini bukan saja menjejaskan perniagaan kami, malah membahayakan keselamatan peniaga dan pengunjung,” katanya.

Menurutnya, peniaga berharap DBKL mengambil tindakan segera bagi memastikan peniaga di Jalan TAR dapat menjalankan perniagaan dalam keadaan lebih selamat dan terjamin.

“DBKL juga perlu menyediakan khemah lebih kukuh serta pemasangan selamat untuk mengelakkan kejadian sama berulang,” katanya.